

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

AAW311 - PERAKAUNAN KEWANGAN PERTENGAHAN I

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Soalan di Bahagian A adalah **WAJIB** dan jawab **SATU (1)** soalan dari Bahagian B.

Bahagian A - WAJIB

Soalan 1

Maju Berhad
Imbangan duga pada 31/12/1996

	Dt RM	Kt RM
Akaun belum terima (peruntukan hutang ragu, RM5,000)	70,000	
Akaun belum bayar		30,000
Bank		10,000
Inventori	80,000	
Paten & tandaniaga	48,000	
Muhibbah	30,000	
Penyelidikan & pembangunan	40,000	
Harta, hakmilik bebas (kos)	800,000	
Loji & mesin (kos)	650,000	
Peralatan (kos)	250,000	
Peruntukan susutnilai:		
Harta benda		200,000
Loji & mesin		150,000
Peralatan		50,000
Cukai tertunda		80,000

...2/-

AAW311

Cukai belum bayar	15,000	
10% debentur boleh ditukar		120,000
Untung sebelum cukai bagi tahun		320,000
Akaun untung & rugi baki 1/1/1994		80,000
Saham biasa, RM1 setiap satu		700,000
14% saham keutamaan boleh tebus		200,000
Premium saham		100,000
Kutipan dari terbitan saham biasa		55,000
Bayaran bagi penebusan saham keutamaan	110,000	
	<u>2,095,000</u>	<u>2,095,000</u>
	=====	=====

Maklumat tambahan:

(a) Nilai realis bersih inventori akhir ialah RM70,000.

(b) Untung sebelum cukai adalah selepas ditolak:

Dividen saham keuntungan: separuh tahun

Dividen saham biasa: 6%

Pelunasan atas nilai buku

Paten 20%, muhibbah 25% dan penyelidikan & pembangunan 50%

Susutnilai ke atas:

Harta benda RM40,000, loji RM65,000 dan peralatan RM25,000

Faedah debentur bagi tahun ini.

(c) Peruntukan perlu dibuat bagi:

Anggaran caj cukai bagi tahun ialah RM70,000 dan dipindah kepada cukai tertunda ialah RM50,000. Peruntukan cukai bagi tahun lepas telah kurang sebanyak RM15,000. Kadar cukai ialah 35%. Yuran juruaudit ialah RM10,000. Dividen dicadangkan atas saham biasa ialah 5% dan separuh tahun kedua bagi saham keutamaan. Saham biasa baru yang telah dikeluarkan sepanjang tahun tidak berhak menerima dividen bagi tahun ini.

(d) pada 31/12/1996, debentur telah ditukar kepada saham biasa pada kadar 100 saham biasa bagi setiap RM120 debentur.

(e) Harta benda telah dinilai semula kepada RM1 juta pada 31/12/1996 dan pihak pengarah bersetuju mengambilkira nilai ini ke dalam akaun.

...3/-

- (f) Seorang pekerja telah cedera semasa menjalankan tugas rasmi. Beliau telah membuat tuntutan atas kecederaan dari syarikat sebanyak RM100,000. Perlindungan insuran tidak diambil oleh syarikat dan pendapat peguam ialah syarikat akan didapati kalah dalam kes ini. Tiada sebarang peruntukan telah dibuat oleh syarikat berhubung dengan kes ini. Jabatan Cukai akan membenarkan butiran ini sebagai belanja yang boleh ditolak dari cukai syarikat.
- (g) Pada 15/1/1996, seorang penghutang syarikat yang berhutang RM20,000 telah melarikan diri ke luar negeri dan hutang beliau tidak mungkin dapat dikutip.
- (h) Pada 31/12/1996, saham keutamaan telah ditebus pada premium 10% dan 50,000 saham biasa telah dikeluarkan bagi tujuan penebusan ini.
- Premium atas penebusan harus dihapuskan dari premium saham.
- (i) Syarikat mempunyai 100,000 waran saham yang belum ditukar kepada saham biasa pada 31/12/1996.

Dikehendaki:

Sediakan penyata kewangan dalam bentuk yang sesuai diterbitkan.

[45 markah]

Soalan 2

Maklumat berikut berhubung dengan aset tetap yang telah diperolehi dari buku Berjaya Berhad, sebelum penyediaan penyata kewangan bagi tahun 1998.

(a) Baki awal:		
Amaun angkat kasar pada 1.1.98		RM'000
Tanah & bangunan hakmilik bebas (rujuk nota di bawah)		9,000
Alatan pejabat - kos		500
Kenderaan - kos		300
Susutnilai terkumpul pada 1.1.98		
Bangunan hakmilik bebas		300
Alatan pejabat		200
Kenderaan		120

...4/-

Nota: Tanah & bangunan hakmilik bebas terdiri daripada:

- (i) Tanah A dengan bangunan di atasnya. Ini dimiliki pada 1991 pada jumlah kos RM4,000,000. Ia dinilai semula pada 1995 pada RM5,000,000 yang terdiri dari RM1,500,000 bagi tanah dan RM3,500,000 bagi bangunan (bangunan dijangka mempunyai usia guna selama 35 tahun pada masa penilaian ini dibuat).
- (ii) Tanah B yang dimiliki pada 1993 pada kos RM800,000 dan dinilai semula pada 1996 pada RM1,000,000. Tanah B telah dicagarkan kepada bank sebagai sekuriti bagi pinjaman bank sebanyak RM500,000, dan
- (iii) Tanah C yang dibeli pada 1994 dengan kos RM2,500,000 dan dinilai semula pada 1997 pada RM3,000,000.

(b) Susutnilai:

Semua aset tetap, kecuali tanah hakmilik bebas, harus disusutnilai dengan kaedah garis lurus tanpa nilai sisaan. Bagi aset yang telah dibeli atau dijual, susutnilai bagi sepenuh tahun harus diperuntukkan pada tahun belian dan susutnilai tidak diperuntukkan pada tahun jualan. Bagi aset yang dinilai semula pada tahun tersebut, susutnilai sepenuh tahun harus diperuntukkan berdasarkan amaun dinilai semula. Berikut ialah anggaran usia guna bagi setiap kategori aset tetap:

Bangunan	40 tahun
Peralatan pejabat	10 tahun
Kenderaan	10 tahun

(c) Penilaian:

Tanah A dan bangunan dinilai semula pada 2 Januari 1998. Laporan dari firma penilai profesional menunjukkan, (i) berdasarkan nilai pasaran bagi kegunaan semasa, tanah hakmilik bebas dinilai pada RM3 juta dan bangunan dinilai semula pada RM4 juta, and (ii) berdasarkan nilai pasaran bagi kegunaan alternatif, tanah dan bangunan hakmilik bebas dinilai semula pada RM9 juta. Pengarah mempercayai bahawa penilaian semula adalah perlu untuk menyampaikan secara adil nilai tanah dan bangunan hakmilik bebas. Penilaian semula akan direkod di dalam buku dengan penghapusan akaun susutnilai terkumpul dan lebihan penilaian semula harus dipindah secara terus kepada akaun rizab penilaian semula. Bangunan dijangka mempunyai baki usia guna selama 32 tahun selepas penilaian ini.

...5/-

(d) Penambahan:

Sekeping tanah hakmilik bebas (Tanah D) telah dibeli sepanjang tahun pada kos RM1,500,000 tunai.

Alatan pejabat baru pada kos RM200,000 tunai juga telah dibeli sepanjang tahun.

Lori baru telah dibeli di bawah perjanjian sewa beli pada harga RM80,000. Dua bulan kemudian, sistem hawa dingin telah dipasang di dalam lori tersebut pada kos RM10,000. Sepanjang tahun, caj servis bagi kenderaan berjumlah RM8,000.

(e) Jualan:

Sepanjang tahun, Tanah C telah dijual secara RM4 juta tunai. Syarikat tiak jual tanah yang lain.

Alatan pejabat yang telah dibeli pada 1995 pada kos RM100,000 telah dijual secara RM60,000 tunai.

Lori yang telah dibeli pada 1991 pada kos RM50,000 telah dijual secara RM30,000 tunai.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan jurnal bagi tahun 1998 untuk merekod urusan di atas.
- (ii) Tunjukkan bagaimanakah maklumat berhubung dengan aset tetap harus didedahkan di penyata kewangan Berjaya Berhad pada 1998.

[20 markah]

...6/-

Soalan 3

- (a) Pada 1.1.91, H Bhd. memulakan penyelidikan bagi satu barangan baru. Setelah membelanjakan RM70,000 dan RM80,000 (tidak termasuk susutnilai sesuatu mesin yang telah dibeli dengan harga RM1,000,000 pada 30.6.91 bagi tujuan pembangunan dan pengeluaran barangan), H Bhd. berjaya mengeluarkan barangan baru yang dinamakan ABC. Paten telah didapati pada 31.12.91 pada kos RM10,000. Paten mempunyai usiaguna di sisi undang-undang selama 17 tahun tetapi anggaran usiaguna ialah 10 tahun. Pengeluaran secara komersial bagi barangan ABC bermula pada Jan. 1992.

Dalam tahun 1994, pesaing telah mengeluarkan barangan yang serupa. H Bhd. telah membelanjakan RM10,000 untuk mendakwa perceroohan paten tetapi tidak berjaya. H Bhd. memutuskan supaya menghentikan pengeluaran ABC mulai 31.12.94. Mesin terus akan diguna bagi pengeluaran barangan lain.

Kos pembangunan yang memenuhi kriteria Piawai Perakaunan Antarabangsa No.9 tentang perakaunan bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan, harus dipermodalkan dan dilunaskan berdasarkan usiagunanya harus disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan penghapusan kos perasaskan tempoh 10 tahun.

Dikehendaki:

Sediakan catatan jurnal bagi perakaunan aset tak ketara H Bhd. dari tahun 1991 sehingga 1994.

[15 markah]

Bahagian B

Pilih dan jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

Soalan 4

Tulis nota ringkas daripada 8 perkara di bawah:

- (a) kematanan.
- (b) rizab penilaian semula.
- (c) kehadiran nisbah perakaunan untuk mengukur prestasi syarikat.
- (d) butiran luara biasa.
- (e) perolehan per syer tercair habis (fully diluted earnings per share).
- (f) operasi dihentikan.
- (g) nilai realis berish.
- (h) rizab modal.
- (i) rizab hasil.
- (j) perbelanjaan modal.
- (k) perbelanjaan hasil.
- (l) kejadian selepas tarikh kunci kira-kira.
- (m) prinsip perakaunan diterima umum di Malaysia.

[20 markah]

Soalan 5

Sebuah syarikat berhad awam boleh mempunyai 3 jenis rizab berkanun tak diagih.

Dikehendaki:

- (a) Kenalpasti 3 jenis rizab di atas.
- (b) Bagaimanakah setiap rizab di (a) boleh timbul.
- (c) Kenalpasti kegunaan setiap rizab di atas.

[20 markah]

---ooo000ooo---